

# TEMCO 2011

## Cetus Fenomena Memperkasa Pelancongan Terengganu



oleh : NURUL HUSNA MAT RUS foto : FUAD ZANIN & SEKRETARIAT TEMCO 2011  
TERIMA KASIH PING ANCHORAGE TRAVEL & TOURS SDN BHD

**T**erengganu akan menggunakan beberapa pendekatan untuk merancang agar menjadikan sektor pelancongan sebagai tulang belakang kekuatan ekonomi negeri di Pantai Timur itu. Semua itu telah dibincangkan dalam satu persidangan yang melibatkan lebih kurang 100 orang peserta di Kuala Terengganu pada 1 dan 2 Oktober 2011 lalu. Persidangan yang berlangsung dua hari itu menarik penyertaan perwakilan daripada pelbagai bidang berkaitan pelancongan termasuk pengkaji serta pengendali pelancongan. Persidangan yang dikenali sebagai Terengganu International Eco & Marine Tourism Conference 2011 (TEMCO) turut menghimpunkan perwakilan dari badan pelancongan negeri dan tempatan, kakitangan kerajaan serta swasta dan pelajar institusi pengajian tinggi.

Persidangan pada kali lebih memfokuskan kepada usaha mempromosikan Terengganu sebagai destinasi pelancongan berpotensi dan terbaik di Malaysia serta sebagai bandar yang

mempunyai kepelbagaian. Antara agenda tumpuan dalam persidangan itu adalah simposium dua hari yang antara lain membincangkan soal berhubung pemuliharaan alam sekitar dan eko-marin. Persidangan berkenaan yang berkisar mengenai 'Terengganu as Superior Tourism Destination for Eco&Marine Tourism Sector' dirasmikan oleh Exco Pelancongan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Terengganu, iaitu Datuk Abdul Rahin Mohd Saad.

TEMCO 2011 turut dihadiri oleh barisan speaker utama iaitu Prof. Dr Amran Hamzah; Course Director Tourism Planning Programme Head, Tourism Planning Research Group UTM, Mr Max Herriman; CEO Director Sea Resources Management, Mr Alex Lee Yun Ping; CEO Ping Anchorage Travel & Tours, Mr Les Clark; Tourism Resource Consultants New Zealand, Mr Anuar McAfee; Malaysia Nature Society (Terengganu), Mr River Foo; Senior Community Liaison Officer WWF-Malaysia, dan Prof



Adjung Dr. Zaki Mohd Said; Pengarah Urusan Pusat Sains & Kreativiti Terengganu. Sama seperti tahun lepas, persidangan kali ini bertujuan membincang, mengkaji, memperkukuhkan serta memperkasakan lagi industri pelancongan di negeri Terengganu. Sesuai dengan temanya, peserta ditekankan akan kepentingan destinasi pelancongan eko-marin dan kelpelbagai fungsinya terutama dalam menjana bidang pelancongan Terengganu untuk masa akan datang. Sehubungan itu peluang mengajurkan TEMCO2011 diambil untuk menyerlahkan lagi imej Malaysia, khususnya negeri Terengganu sebagai destinasi pelancongan pelbagai dan berdaya saing di rantau ini. Selain memasarkan keindahan semula jadi, budaya, warisan, adat resam serta perkhidmatan cemerlang bagi pengendali industri pelancongan juga diketengahkan. Peluang turut diambil untuk menjana keyakinan di kalangan pengendali pelancongan di Malaysia untuk mengutamakan Terengganu dalam program pelancongan mereka. Memupuk pakatan strategik dengan delegasi asing untuk sama-sama mengeksploitasi peluang pelancongan turut diambil sebagai peluang sepanjang persidangan.

Pada akhir persidangan TEMCO2011, peserta turut berpeluang dibawa melakukan aktiviti 'Birdwatching' yang dikendalikan oleh Mr. Anuar Mc.Afee. Terengganu dikatakan antara negeri di Malaysia yang mempunyai lokasi mengkaji serta melihat pelbagai spesies burung yang terkenal di dunia.

### Tahun Melawat Terengganu 2013

Organisasi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam sektor perlancongan terutamanya di Terengganu digesa agar menjadikan Terengganu sebagai ikon pelancongan kerana keistimewaan yang memiliki kepelbagaian produk pelancongan yang cukup lengkap. Lebih-lebih lagi sempena kedatangan Tahun Melawat Negeri Terengganu pada 2013 nanti.

Exco Pelancongan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Terengganu, Datuk Abdul Rahin Mohd Said berkata, ini termasuk pulau-pulau dan taman marin, jaluran pantai dan pedalaman sudah cukup bagi menarik pelancong. "Tasik Kenyir di Hulu Terengganu adalah destinasi ekopelancongan yang cukup unik dengan 340 pulau, begitu juga dengan Taman Tamadun Islam (TTI) yang dibina di bandar ini mempunyai tarikan tersendiri," katanya.

Kira-kira 38 peratus pelancong asing terutama dari rantau Asia yang datang ke Terengganu akan berkunjung ke Tasik Kenyir bagi menjalankan pelbagai aktiviti manakala selebihnya memilih untuk ke destinasi pulau, taman marin dan pantai.



"Oleh itu, kita tidak perlu lagi memilih ikon lain kerana Terengganu sememangnya adalah ikon pelancongan berdasarkan terpelbagai produk pelancongan yang ditawarkan," tambah beliau. Menurut Datuk Abdul Rahin lagi, dalam membantu meningkatkan lagi industri pelancongan negara khususnya Terengganu, beliau akan sentiasa membantu terutama dalam mempromosi produk-produk pelancongan negara termasuk promosi melalui Internet. Sehubungan itu juga, ejen-ejen pelancongan perlu menawarkan pakej pelancongan yang menarik untuk memastikan negara menjadi destinasi pelancongan utama.



## Suara Hati Pecinta Penyu

Isinya ringkas, padat namun memberi kesan yang amat mendalam bagi penulis. Sempat berbual seketika ketika waktu rehat persidangan dengan baliu, iaitu salah seorang speaker TEMCO2011, River Foo, Pegawai Perhubungan Komuniti Senior WWF Malaysia yang menggesa kerajaan untuk mengharamkan terus penjualan telur-telur penyu. Paling menarik, dia yang sanggup hidup di pulau dengan keluarga penduduk kampung yang memang semestinya dahulu memakan telur penyu tahu akan kepupusan penyu yang sedang kita hadapi sekarang.

Malah River Foo juga memberikan fakta yang mengatakan daripada 10,000 sarang penyu belimbing yang boleh didapati pada tahun 1950-an, beberapa tahun ini kadangkala satu sarang pun tidak berjaya dikesan. Ini bermakna penyu belimbing sudah merajuk atau spesies yang sepatutnya matang selepas 30 tahun untuk naik bertelur mungkin sudah menjadi mangsa dimakan manusia sejak bertahun-tahun lamanya. Dia juga tahu, ekoran kejadian itu, industri pelancongan akan terjejas dan ini adalah suara generasi masa hadapan negara kita yang lebih memahami berbanding mereka yang lebih matang dan menjadi penggubal undang-undang negara.

Katanya “Kita boleh menolong penyu dengan tidak mencuri telur dan anak penyu. Kita juga tidak boleh menangkap penyu untuk mengambil cengkerangnya. Jangan suluhkan lampu ke arah penyu pada waktu malam dan sentiasa mengingatkan ahli keluarga atau kawan supaya tidak melakukan apa-apa yang membahayakan penyu. Jangan buang sampah dan jaring ke dalam laut.” Ini bermakna mereka lihat dan tahu apa yang terjadi di sekeliling mereka dan itulah peringatan mereka. Ingat, kita meminjam alam ini daripada mereka dan kita juga sedang memusnahkannya.

